Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 45 (1) (July 2018): 147-176
@ History, Politics & Securities Research Centre, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

**ABDUL HALIM** Daud
**ZARINA** Othman
**NOR AZIZAN** Idris
Universiti Kebangsaan Malaysia

# HUBUNGAN IRAN - ARAB SAUDI DAN KESTABILAN RANTAU TIMUR TENGAH

## *IRAN – SAUDI ARABIA RELATIONS AND THE MIDDLE EAST STABILITY*

*Revolusi Iran pada tahun 1979 adalah antara Revolusi dunia yang bukan sahaja mengubah domestik dalaman Iran dari sebuah kerajaan monarki kepada Republik Islam, malah turut mencorakkan landskap dan geopolitik Rantau Timur Tengah. Sehingga kini, negara Iran yang dikelilingi negara Arab ini, menjadi tarikan perbincangan di kalangan sarjana dan juga minat kuasa besar. Mengapakah Iran penting dan bagaimanakah ia mencorakkan landskap dan geopolitik Timur Tengah? Tujuan kajian ini ditulis adalah untuk mengkaji hubungan Iran – Arab Saudi, fahaman Sunni-Syiah dan bagaimana ia mencorakkan kembali geopolitik Timur Tengah. Kajian ini menggunakan metod pendekatan kualitatif berasaskan kaedah temu bual, kerja lapangan di Iran, kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan Republik Iran pasca Revolusi Iran (1979-2017) mewujudkan ketegangan antara fahaman Sunni-Syiah di Rantau Timur Tengah dan menyumbang terhadap pergolakan di kalangan negara-negara Arab. Hubungan Iran – Saudi pasca Revolusi Iran 1979 pula sebahagiannya mdenjadi punca Rantau Timur Tengah berada dalam keadaan tidak stabil. Ia seolah-olah telah menubuhkan blok negara 'Pro-Arab Saudi' dan 'Pro-Iran', 'Perang Dingin' di Rantau Timur Tengah, perlumbaan senjata dan persaingan kekuatan ketenteraan antara Saudi dan Iran serta konflik Sunni-Syiah di Rantau Timur Tengah. Ia juga memaparkan walaupun Revolusi Iran ini telah berlalu dan berjaya membebaskan rakyat Iran dari cengkaman Dinasti Pahlavi, namun kesan atas hubungan Saudi dan Iran adalah tegang.*

**Kata kunci:** *Iran, Kestabilan Rantau Timur Tengah, Revolusi Iran 1979, Sunni, Syiah*

*The Iranian Revolution in 1979 was one of the world's Revolutions that not only changed Iran's domestic affairs from a monarchy to Islamic Republic, but also reshaped the landscape and geopolitics*

*of the Middle Eastern Region. To date, Iran, surrounded by Arab countries, has attracted discussions among scholars and the interests of great powers. The question is why Iran is important and how the 1979 Iranian Revolution shaped the landscape and geopolitics of the Middle East? The purpose of this study is to understand the relationship between Iran - Saudi Arabia, Sunni-Shi'ite ideologies and how it shaped the Middle Eastern geopolitics. This study uses qualitative approach method based on interviews, fieldwork in Iran, literature methods and document analysis. The findings show that the Post-Revolutionary (1979-2017) leadership of the Republic of Iran continued to contribute to the tension between Sunni-Shi'ites in the Middle Eastern region and was a factor in the upheaval among Arab nations. Saudi - Iran relations after the 1979 Iranian Revolution partially resulted in the instability of the Middle Eastern region. As though it has established the 'Pro-Saudi Arabia' and 'Pro-Iran', 'Cold War' blocks in the Middle Eastern Region, arms race and military strength competition between Saudi and Iran and maintained the Sunni-Shi'ite conflict in the Middle Eastern Region. The study also found that although the Revolution succeeded in liberating the Iranians from the grip of the Pahlavi Dynasty, it resulted in a tense relationship between Saudi and Iran.*

**Keywords:** *Iranian Revolution 1979, Middle East Stability, Saudi Arabia, Sunni, Shi'ite,*

## Pengenalan

Dunia pernah digemparkan dengan satu peristiwa besar pada penghujung tahun 1970-an iaitu Revolusi Iran 1979. Revolusi Iran bukan sahaja telah mengubah struktur domestik Iran dari sebuah negara berasaskan sistem monarki kepada sebuah kerajaan Republik Islam, namun peristiwa ini turut memberi kesan terhadap keselamatan dan geopolitik Timur Tengah terutama dari sisi hubungan Arab Saudi (akan disebut dengan Saudi selepas ini) dan Iran. Sehingga hari ini, Revolusi Iran yang telah pun berusia 38 tahun, masih lagi dibicarakan sama ada di kalangan ahli akademik, ahli politik mahupun negarawan.[1] Konteks perbincangan yang diketengahkan oleh kebanyakan pengkaji adalah berkisarkan kepada keunikan revolusi berkenaan, iaitu bagaimana sebuah revolusi yang bersandarkan atas nama agama, berjaya melibatkan penglibatan semua pihak bermula dari golongan petani, penjawat awam mahupun swasta, mahasiswa, ahli-ahli akademik, golongan profesional seperti doktor dan peguam sehinggalah kepada golongan agamawan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bersatu menjatuhkan sebuah kerajaan Monarki Shah Iran. Semakin unik, revolusi ini berjaya tanpa sebarang bantuan persenjataan dari

pihak tentera.[2] Justeru, memahami Revolusi Iran ini adalah penting untuk memahami perubahan landskap Timur Tengah kerana Revolusi Iran bukan sahaja telah mengubah struktur domestik Iran dari sebuah negara monarki kepada sebuah kerajaan Republik Islam, malah peristiwa ini juga turut memberi kesan terhadap keselamatan dan geopolitik Timur Tengah.[3] Sesetengah sarjana berpandangan, Revolusi Iran bukan sahaja berjaya meruntuhkan Dinasti Pahlavi dari kekuasaan, namun turut menyemarakkan lagi persengketaan antara fahaman Syiah dan Sunni, yang sehingga kini menjadi semakin sukar untuk diselesaikan.[4]

Kajian ini mengetengahkan metod pendekatan kualitatif berasaskan kaedah temu bual, kerja lapangan di Iran, kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Tujuan kajian ini ditulis adalah untuk mengkaji hubungan Iran – Arab Saudi, fahaman Syiah-Sunni dan bagaimana ia mencorakkan geopolitik Timur Tengah. Dapatan kajian menunjukkan, kepimpinan Republik Iran pasca Revolusi Iran telah mewujudkan ketegangan antara fahaman Syiah-Sunni di Rantau Timur Tengah dan menyumbang terhadap pergolakan di kalangan negara-negara Arab. Hubungan Iran – Saudi pasca Revolusi Iran 1979 turut mengakibatkan Rantau Timur Tengah berada dalam keadaan tidak stabil dan ia seolah-olah telah membentuk blok negara 'Pro- Saudi' dan 'Pro-Iran', mencetuskan 'Perang Dingin' di Rantau Timur Tengah, menggalakkan perlumbaan senjata serta persaingan kekuatan ketenteraan antara Saudi dan Iran. Selain itu ia turut menyemarakkan lagi konflik Syiah-Sunni di Rantau Timur Tengah. Kajian ini akan bermula dengan sorotan ringkas mengenai Revolusi Iran 1979, sebelum dimajukan perbincangan mengenai analisis hubungan Saudi dan Iran pasca Revolusi Iran tahun 1979 dan bagaimana isu ini memberi impak dan perubahan terhadap geopolitik Timur Tengah.

## Revolusi Iran 1979-2017: Satu Sorotan Ringkas

Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 adalah salah satu peristiwa besar yang menggemparkan dunia. Revolusi Iran disifatkan sebagai satu kejayaan rakyat Iran menjatuhkan Dinasti Pahlavi tanpa bantuan persenjataan dari pihak ketenteraan. Semasa ketibaan Khomeini dari Perancis (dalam buangan), ratusan ribu rakyat Iran berkumpul, dan bersorak menyambut ketibaan Khomeini dengan melaungkan perkataan "*Agha Amad*" yang bermaksud "orang yang dihormati dan di nanti telah tiba".[5] Ketibaan Khomeini di Iran pada Februari 1979 adalah kemuncak kepada perubahan landskap politik Iran dan Timur Tengah. Boleh dikatakan ia juga adalah penanda aras persengketaan antara Iran dengan Amerika Syarikat (AS) dan perseteruan dengan negara Saudi.

Sekiranya diperhatikan, terdapat beberapa persamaan terhadap kebanyakkan revolusi yang berlaku di dunia pada hari ini. Contohnya seperti Revolusi Ethiopia yang berlaku pada 1974, Revolusi Iran pada tahun 1979 dan Revolusi Nicaragua pada tahun 1979. Analisis dari O'Kane, iaitu seorang

sarjana yang sering mengkaji mengenai konflik dan revolusi mendapati, terdapat persamaan punca dalam semua revolusi yang pernah berlaku di dunia hari ini iaitu kegagalan pemerintah menyediakan kemudahan asas kepada masyarakat sehingga tercetusnya perasaan ketakutan di kalangan rakyat dan di penghujungnya membawa kepada penggulingan kuasa pemerintah oleh rakyat negara itu sendiri. Walaupun siri ketegangan yang berlaku di Ethiopia dan Iran adalah berbeza, namun kedua negara ini masih berkongsi punca yang sama iaitu keretakan negara yang berpunca dari dalaman negara itu sendiri.[6] Dengan mengambil contoh revolusi di tiga negara iaitu di Ethiopia, Iran dan Nicaragua, dapat dirumuskan bahawa faktor yang menyebabkan berlakunya penolakan sesuatu rejim dalam sesebuah negara berlaku apabila hak rakyat diketepikan dan penglibatan kumpulan dalam menjayakan agenda revolusi ini adalah bersifat menyeluruh tanpa dirancang terlebih dahulu.

Dari segi penglibatan, Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 ini mempunyai keunikan yang tersendiri dan berbeza dengan lain-lain siri revolusi dunia seperti yang berlaku di Perancis pada tahun 1789, di Russia pada 1917, dan di Jerman pada 1918 kerana ia adalah revolusi yang berasaskan kepada agama dan bukannya krisis ketenteraan, kewangan atau pemberontakan sesuatu kumpulan yang khusus sahaja. Revolusi Iran merupakan revolusi paling ramai mengumpulkan rakyat di jalan raya semenjak berakhirnya Revolusi Rusia pada tahun 1953. Revolusi ini juga turut mengubah landskap politik di Timur Tengah apabila Iran sebelum ini merupakan salah sebuah negara yang kuat berpegang dengan amalan monarki telah bertukar sepenuhnya menjadi sebuah negara berasaskan republik teokrasi.[7] Abrahamian pernah menulis mengenai Revolusi Iran sejurus selepas berlakunya pemberontakan rakyat di Iran pada tahun 1979 bertajuk *Iran in Revolution: The Opposition Forces*. Beliau menjelaskan bahawa, Revolusi Iran adalah bukti nyata bahawa rakyat sebenarnya berkuasa dalam menentukan hala tuju kekuasaan negara. Bibit penentangan terhadap Shah Reza ini boleh dilihat seawal era pemerintahannya apabila beliau hampir ditembak oleh seorang individu yang tidak dikenali pada Februari 1949. Walaupun tiada sebarang bukti ditemui, namun dipercayai bahawa penembak berkenaan mempunyai kaitan dengan ketidakpuasan hati terhadap kerjaya politiknya. Ekoran dari kejadian itu, Shah Iran mengambil pendekatan untuk mengharamkan semua penerbitan yang mengkritik keluarganya, menahan mereka yang tidak sehaluan dengan pemerintahannya serta menjatuhkan hukuman mati terhadap musuh-musuh politiknya.[8] Bagi Abrahamian, kegagalan Shah Reza melihat dan memenuhi permintaan kumpulan masyarakat sosial atau rakyatnya menjadi punca pada keruntuhan rejim Dinasti Pahlavi itu sendiri. Namun, pada pandangan Shah Reza, modenisasi Iran adalah penting bagi memberikan satu imej baru Parsi bukan hanya di peringkat rantau malahan di mata dunia.

Semasa pentadbiran Shah Iran, perkara yang tidak dapat dinafikan adalah modenisasi dan pengukuhan industri ketenteraan Iran. Pada era Shah

Iran, boleh dikatakan, negara Iran adalah yang terkuat dari segi ketenteraan di peringkat rantau. Bahkan ekonomi Iran khususnya industri pelancongan juga berada dalam satu tahap yang memberangsangkan. Semasa perbualan personal bersama pemandu-pemandu teksi di Iran, informan menjelaskan, sebelum berlakunya Revolusi Iran atau secara jelasnya semasa zaman pemerintahan Shah Iran, pelancong dari Saudi adalah antara yang teramai berkunjung ke Iran terutama ketika musim bunga dan musim sejuk. Namun pasca Revolusi Iran 1979, pemandu-pemandu teksi sukar lagi mendapatkan pelancong, terutama dari dua negara dunia iaitu dari Saudi dan AS,[9] Iran sememangnya terkenal sebagai destinasi pelancongan di Timur Tengah kerana tersimpannya ketamadunan lama serta nilai kebudayaan yang tinggi. Iran pernah menjadi pusat ketamadunan Parsi iaitu salah satu dari tamadun silam yang pernah wujud di dunia hari ini. Iran sebelum ini dikenali sebagai Parsi namun ditukarkan nama kepada Iran pada tahun 1935 oleh Dinasti Pahlavi.[10]

Revolusi Iran kini mencecah 38 tahun. Walaupun 38 tahun telah berlalu, Revolusi Iran bukan sahaja mengubah landskap politik domestik Iran, namun turut mencorakkan kembali geopolitik negara-negara jirannya khususnya di Timur Tengah.[11] Apabila Iran menjadi sebuah negara Republik pada tahun 1979, Iran mula dipandang prejudis oleh negara-negara jiran terutama negara-negara Arab yang kuat berpegang dengan fahaman Ahlu Sunah Wal Jemaah (atau disebut sebagai Sunni selepas ini) seperti Arab Saudi Jordan, Mesir, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Iraq.[12] Walau bagaimanapun, masih terdapat perdebatan mengenai Saudi sama ada di klasifikasikan sebagai sebuah negara Sunni ataupun sebuah negara Sunni yang berpegang dengan fahaman Wahabi.[13] Walaupun Revolusi Iran berjaya membebaskan masyarakatnya dari pemerintahan autoritarian Dinasti Pahlavi, namun sebagaimana yang dijelaskan oleh Waltz dalam teori neorealisme atau realisme struktur bahawa, struktur antarabangsa sesekali tidak akan mengamankan sesebuah negara. Negara akan sentiasa berada dalam keadaan terancam kerana begitulah sifat anarki dalam sistem antarabangsa.[14]

Era pasca Revolusi Iran seolah-olah memperlihatkan Iran terperangkap antara ancaman dalaman dan luaran rantau. Dari struktur antarabangsa peringkat rantau, Iran berhadapan dengan ancaman negara-negara Sunni yang mengelilingi negaranya. Manakala dari struktur antarabangsa luaran rantau, Iran berhadapan dengan ancaman dari AS yang sering melihat Iran sebagai musuh dan ancaman. Peristiwa penahanan 52 orang tebusan warga Amerika di Kedutaan mereka di Tehran selama 444 hari juga menjadi titik tolak kepada perselisihan antara Iran dan AS. Peristiwa tersebut meninggalkan kesan mendalam kepada AS khususnya kepada Presiden AS ketika itu Jimmy Carter (1977-1981) yang gagal mencapai kata sepakat dalam rundingan membebaskan tahanan berkenaan. Kemuncak kepada peristiwa tersebut adalah pemutusan hubungan diplomatik antara AS dan Iran pada 7 April 1980 sehingga kini.[15]

Jika diimbas kembali, semasa pentadbiran Reza Shah dan anaknya

Mohammad Reza Shah, Iran adalah sekutu yang kuat kepada AS dari segi ekonomi dan juga sahabat karib kepada Saudi dalam konteks serantau. Bukan sekadar sekutu dalam ekonomi negara, malahan AS merupakan antara aktor utama yang mencorakkan politik domestik Iran. Walaupun begitu, hubungan yang akrab dengan AS menjadi antara faktor penting yang menjatuhkan Dinasti Shah di Iran. Ketaksuban Shah Iran mengejar modenisasi Iran dengan nilai-nilai dan budaya barat menjadikan pemerintahannya ditolak oleh rakyat Iran ketika itu.[16] Natijahnya, terbit sikap saling tidak percaya antara pemimpin dan rakyat Iran. Semasa pemerintahan Mohamad Reza Shah, terdapat 183 markas tentera yang terletak dalam bandar-bandar dan desa-desa di Iran. Ini menampakkan isu saling tidak mempercayai antara rakyat dan Kerajaan semasa era Pahlavi. Justeru antara strategi yang dilakukan adalah dengan mengasimilasikan tentera bersama masyarakat. Tentera diarahkan bercampur dengan masyarakat untuk meraih minat rakyat untuk menyertai badan beruniform tersebut di samping bekerja di sektor-sektor kerajaan. Sehingga hari ini perkara tersebut masih lagi dipraktikkan iaitu tentera yang tidak bertugas di perbatasan akan ditempatkan dalam mana-mana institusi pentadbiran awam di Iran.[17]

Semasa era Dinasti Pahlavi, Iran bukan sahaja dibangunkan dengan persiapan ketenteraan yang hebat namun penuh dengan aspirasi kemodenan. Walau bagaimanapun, ramai beranggapan, pemodenan yang dilakukan oleh Dinasti Pahlavi tidak diserasikan dengan masyarakat dan amalan fahaman Syiah di Iran seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, menggalakkan percampuran sosial yang berlebih-lebihan serta membuka pusat-pusat hiburan yang bercanggah dengan prinsip Islam akhirnya menyumbang kepada kejatuhan dinastinya sendiri. Bahkan penyertaan masyarakat yang menjatuhkan Dinasti Pahlavi bukanlah hanya dari satu kelompok sahaja, tetapi meliputi penglibatan yang menyeluruh bermula dari rakyat miskin di jalanan sehinggalah kepada kelompok profesional.[18]

Keunikan Revolusi Iran ini dapat dilihat dari penyertaan pelbagai pihak dan kumpulan masyarakat. Kebanyakan dari peserta revolusi adalah dari golongan mereka yang menerima gaji kelas sederhana, pelajar-pelajar universiti, guru-guru, pekerja kolar putih dan lain-lain kumpulan sektor profesional. Migrasi besar-besar masyarakat Iran dari luar bandar atas arahan Shah Reza bagi tujuan modenisasi Iran sebenarnya menjadi penanda dan penyumbang kepada jumlah mereka yang mengikuti pemberontakan dan revolusi. Dengan migrasi ini, dianggarkan jumlah penduduk di bandar naik secara mendadak dengan mencecah 50% penambahan. Natijahnya, golongan yang sebelum ini dipinggirkan oleh kepimpinan Shah Reza akhirnya menjadi kumpulan utama menjatuhkan dinasti berkenaan.[19] Secara keseluruhannya, kejatuhan Dinasti Pahlavi ini boleh dikumpulkan kepada tiga faktor utama iaitu faktor politik, faktor sosial dan faktor ekonomi. Daripada faktor politik menunjukkan hampir 90% daripada penduduk Iran adalah berfahaman Syiah. Iran mula diisytiharkan sebagai negara berfahaman Syiah pada era Dinasti Safavid (1501-1722).

Antara perbezaan utama antara fahaman Syiah dan Sunni adalah, mengenai pandangan berkaitan '*imamah*' atau kepimpinan. Bagi penganut Syiah, mereka berkeyakinan hanya Ali dan *ahli bait* (keluarga/ keturunan Nabi S.A.W) sahaja layak menggantikan Nabi Muhammad S.A.W. selepas kewafatan baginda. Sedangkan bagi pengikut Sunni mereka beranggapan, Sayidina Ali adalah salah seorang dari empat khalifah utama yang dilantik sebagai khalifah selepas kewafatan baginda S.A.W. Menurut penganut Syiah mereka mempercayai bahawa urusan Imamah telah ditentukan oleh Allah swt. Oleh itu kepercayaan kepada "*Imam*" (Imam di sini merujuk kepada kepimpinan masyarakat dan bukannya Imam di dalam sembahyang) adalah salah satu teras dalam pegangan Syiah dan golongan agamawan mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan politik di Iran. Selain itu perbezaan lain antara fahaman Sunni dan Syiah ini adalah turut berkaitan dengan mempercayai bahawa Imam mereka bersih dari dosa, menolak para sahabat yang muktabar seperti Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Khattab dan Uthman bin al-Affan, menerima perkahwinan mutaah (perkahwinan bertempoh atau kontrak), berpegang dengan konsep *Taqiyyah* iaitu menyembunyikan sesuatu kebenaran dan sebagainya.[20]

Kedua, adalah faktor sosio-budaya. Sebelum Iran ditadbir oleh Reza Shah dan Mohammad Reza, pengaruh dan budaya Islam amat berkuasa di Iran. Namun semasa pentadbiran Reza Shah (1925-1941), beliau membawa masuk budaya barat. Perkara ini diteruskan pada era anaknya Mohamad Reza Shah (1941-1978), yang bercita-cita menjadikan Iran bukan sahaja sebuah negara industri, tetapi juga sebagai sebuah model barat di Timur Tengah.[21] Proses modenisasi yang dilakukan oleh rejim Shah telah membuka pintu kepada ramai warga barat terutama AS sama ada sebagai ekspatriat atau penasihat ketenteraan di Iran. Hal ini turut menjadi faktor utama menyerapnya budaya barat dalam masyarakat Iran. Pengaruh barat seperti filem pornografi, minuman alkohol, kebanjiran pusat-pusat hiburan, lambakan filem barat, sangat dirasai dan memberi kesan terutama kepada generasi muda Iran. Namun tidak semua budaya ditentang. Yang ditentang hanyalah budaya yang bercanggah dengan Islam.[22]

Ketiga, faktor ekonomi. Semasa pemerintahan Shah Iran, keadaan ekonomi masyarakat Iran berada pada tahap yang lemah. Walaupun Iran merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber alam seperti minyak dan pertanian, namun kekayaan itu tidak dirasai oleh rakyat dan Iran masih mengimport makanan dari negara luar. Bahkan para petani digalakkan berpindah ke bandar untuk menjayakan rancangan Shah Iran bagi modenisasi Iran. Kesannya, pada tahun 1977, Iran berhadapan dengan krisis makanan di mana bekalan pengeluaran bahan makanan hanya boleh bertahan selama 31 hari sahaja. Keperluan sebelas bulan seterusnya terpaksa diimport dan menyebabkan harga makanan meningkat. Tetapi pada waktu yang sama, kerajaan Iran berjaya menghasilkan pengeluaran minyak sebanyak enam juta tong sehari, namun hanya menggunakan keuntungan tersebut untuk

membesarkan istana.[23] Perkara ini turut dikongsi oleh Hamid Jabari, seorang pemandu teksi di Tehran semasa perbualan personal penulis bersama informan. Beliau menjelaskan, Iran pada era berkenaan sangat kaya dengan sumber minyak. Namun kekayaan berkenaan tidak dirasai oleh rakyat termasuk diri dan keluarganya. Beliau yang ketika itu berkhidmat sebagai tentera berkongsi kesukaran hidup semasa era Shah Iran ekoran dari harga barangan yang sangat mahal dan kadar hidup yang agak tinggi.[24] Semua perubahan yang dilakukan oleh Shah sudah tidak lagi mendapat tempat di hati rakyat. Tanggal 11 Januari 1979, Shah meninggalkan Iran dan 1 Februari 1979, Khomeini kembali ke Iran untuk melengkapkan revolusi. Tanggal 11 Februari 1979, Iran yang sebelum ini terkenal sebagai satu tamadun yang diperintah oleh golongan monarki hampir selama dua ribu lima ratus tahun, runtuh digantikan dengan sebuah negara republik Islam.[25]

## Analisis Hubungan Iran-Saudi Pasca Revolusi Iran 1979 dan Impaknya terhadap Geopolitik Timur Tengah

Sebagaimana hubungan AS - Iran, hubungan Iran dengan negara-negara Arab di Rantau Timur Tengah sebelum Revolusi Iran juga berada dalam keadaan baik terutama hubungan diplomatik Iran dengan Saudi. Hubungan antara kedua negara ini walaupun tidak begitu aktif atas sebab keduanya berbeza dalam fahaman iaitu fahaman Sunni dan Syiah, namun bagi Saudi, hubungan dengan Iran sebagai negara Syiah pada waktu itu bukanlah suatu ancaman yang besar kepada Saudi memandangkan Reza Shah dan Mohammad Reza Shah bukanlah seorang yang tegar dalam berpegang kepada fahaman Syiah. Selain itu, hubungan yang tidak aktif ini juga disebabkan oleh Iran yang mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan Israel yang dimusuhi oleh negara-negara Arab.[26]

Hubungan keakraban Iran dan Saudi ini juga terlakar melalui hubungan diplomatik yang baik antara Raja Faisal iaitu Raja Arab Saudi dengan Shah Iran sebagai Raja Iran. Walaupun Iran dikatakan mempunyai hubungan dengan Israel ketika itu, perkara ini tidak menghalang Raja Faisal, Raja Arab Saudi untuk melawat Iran pada tahun 1966 sebagai satu usaha mengukuhkan hubungan strategik antara negara-negara serantau. Bahkan Mohammad Reza Shah membalas kembali kunjungan hormat berkenaan sebagai sokongan kepada Raja Faisal pada tahun 1968. Hubungan yang baik ini diterjemahkan lagi dengan sokongan Shah Iran terhadap usaha Raja Faisal yang menggalakkan perpaduan Islam dengan mengambil bahagian dalam penubuhan institusi antarabangsa Islam seperti Pertubuhan Kongres Dunia Islam, Liga Dunia Islam dan Pertubuhan Persidangan Islam.[27] Bahkan hubungan kedua-dua negara ini sampai kepada satu puncak apabila Arab Saudi dan Iran bersetuju menandatangani perjanjian bersama sebagai usaha kolaborasi dalam menjaga keamanan dan keselamatan Rantau Timur Tengah.[28] Namun, hubungan kedua-

dua negara ini akhirnya mengalami kemerosotan selepas berlakunya Revolusi Iran pada tahun 1979.

Dalam sesebuah dasar luar, polisi keharmonian kejiranan serantau (*prosper thy neighbor)* adalah suatu yang amat penting untuk dipraktikkan. Ini kerana dasar ini akan mewujudkan sebuah polisi dan situasi menang-menang antara sesebuah negara khususnya yang berada dalam rantau yang sama.[29] Walaupun Iran dan Saudi masih mempunyai hubungan ekonomi dan sosial yang baik, namun ia tidak lagi seakrab hubungan kedua negara ini sebelum berlakunya Revolusi Iran. Bahkan, pada hari ini, impak dari Revolusi Iran ke atas hubungan Iran dan Saudi telah mewujudkan beberapa senario seperti berikut:

## Wujudnya blok negara Pro- Saudi dan Pro- Iran

Saudi dan Iran merupakan dua negara yang bersaing di Rantau Timur Tengah. Kedua-dua negara ini bercita-cita untuk menjadi kuasa hegemoni di rantau tersebut.[30] Kesannya, persaingan ini mewujudkan negara proksi Sunni dan proksi Syiah.[31] Kedua-dua negara ini bertindak meluaskan pengaruh dengan memberi perlindungan kepada negara-negara Arab di rantau tersebut sama ada dari kalangan negara pro sunni atau negara pro syiah. Contohnya seperti negara Bahrain yang merupakan negara sekutu kuat kepada Saudi. Bahrain merupakan sebuah negara kepulauan kecil di mana 70% dari penduduknya adalah berfahaman Syiah. Pemerintah Bahrain iaitu Al-Khalifa dikatakan mempunyai hubungan yang baik dengan Saudi terutama dalam urusan yang berkaitan dengan penjualan minyak. Hubungan ini diperkukuhkan lagi dengan perkahwinan antara keluarga kedua negara itu iaitu di antara putera Raja Bahrain, Khalid bin Hamad Al-Khalifa, dengan Puteri Sihab iaitu puteri kepada Raja Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud.[32] Oleh itu tidak menghairankan, apabila berlakunya protes besar-besaran antara kumpulan Syiah dan Sunni di Manama (ibu negara Bahrain) pada tahun 2011, Arab Saudi dengan serta merta menghantar bantuan kepada Bahrain dengan mengirimkan hampir 1,000 orang tentera untuk mengawal provokasi berkenaan dari merebak dan membuat tindakan awal untuk menghalang Iran dari masuk campur dalam protes tersebut.[33]

Ini menjelaskan, secara tidak langsung, Bahrain menjadi sebuah negara pro-Saudi. Tindakan ini dilihat sebagai satu strategi menyelamatkan pentadbiran Al-Khalifa dalam sebuah negara yang berkonflik antara masyarakat Sunni-Syiah dan sering 'di intai' oleh Iran yang sehingga kini masih menganggap Bahrain adalah sebahagian dari wilayahnya. Walaupun tindakan Saudi mendapat bantahan dari Iran, namun tindakan yang dilakukan oleh Saudi ini dilihat berpunca dari pengalaman lampau.[34] Setiap konflik yang melibatkan Sunni-Syiah di negara jirannya, Saudi akan mengambil tindakan untuk campur tangan bagi mengelakkan Iran meluaskan pengaruhnya. Sebagai

contoh, campur tangan Saudi dalam konflik yang berlaku di Yaman. Penglibatan menyebabkan kumpulan Syiah Houthi melancarkan serangan dengan menyasarkan lapangan terbang Riyadh pada 4 November 2017, menyebabkan Saudi begitu serius memastikan Yaman tidak jatuh dalam pengaruh Iran. Peristiwa ini juga menyebabkan Iran dan Arab Saudi sering berbalas tohmahan dan tuduhan. Bagi Arab Saudi tindakan ini jelas didalangi oleh Iran yang menyokong setiap tindak tanduk dilakukan oleh pemberontak Syiah Houthi di Yaman.[35] Manakala bagi Iran, negara berkenaan menyifatkan tuduhan Saudi itu adalah satu tuduhan melulu dan tindakan Syiah Houthi itu adalah kesan dari campur tangan Saudi dalam krisis dalaman Yaman. Pertelingkahan antara Saudi dan Iran ini boleh disifatkan dalam semua konflik kejiranan di rantau tersebut bermula dari Yaman sehinggalah pada Bahrain, Syria dan Lubnan.[36] Saudi turut mendesak agar Pertubuhan Liga Arab mengadakan mesyuarat tergempar dalam membincangkan isu serangan Syiah Houthi ini. Bahkan Bahrain dan UAE menjadi antara negara Arab pertama menyokong tindakan Arab Saudi berkenaan.[37]

Iran turut mempunyai negara proksi tersendiri iaitu Syria dan Iraq. Kedua-dua negara ini mempunyai persamaan dari segi dominasi kerajaan. Iraq hari ini ditadbir oleh pemimpin dari fahaman Syiah selepas kejatuhan Saddam Hussein seorang yang berfahaman Sunni pada tahun 2003. Manakala Syria walaupun mempunyai majoriti masyarakat adalah berfahaman Sunni, namun pentadbiran negara adalah dalam penguasaan Bashar Al-Assad iaitu seorang yang berfahaman Syiah dari mazhab Nausuriah atau lebih dikenali sebagai *Alawiyyah.*[38] Hubungan baik Syria dan Iran bukanlah baru. Ia boleh dijejaki seawal tahun 1980-an lagi apabila kedua-dua negara ini berganding bahu dalam menghadapi serangan Iraq dalam Perang Iran-Iraq (1980-1988). Syria mengambil pilihan untuk memihak kepada Iran atas faktor tidak bersetuju dengan pemerintahan parti Baath pimpinan Saddam Hussein di Iraq. Walaupun pemerintah Syria (Bashar al-Assad) berpegang pada mazhab *Alawiyyah* dalam aliran Syiah namun atas dasar bertunjangkan kepada fahaman yang sama (fahaman Syiah) maka kolaborasi dengan Iran ini berjaya dijayakan.[39] Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menolak bahawa kerjasama politik antara Syria dan Iran ini turut memberikan manfaat dari segi ekonomi dan geopolitik kepada kedua negara berkenaan. Keakraban yang wujud antara Iran dan Syria turut mengukuhkan lagi pengaruh Syiah di rantau berkenaan merapatkan usaha Iran untuk mendapatkan pengaruh Lubnan dan juga membolehkan penyaluran bantuan kewangan dan senjata kepada kumpulan Hezbollah di Lubnan iaitu sebuah kumpulan politik berfahaman Syiah yang pada awalnya ditubuhkan untuk menghalang penjajahan Israel ke atas Lubnan. Kini ia menjadi salah satu dari kumpulan politik yng wujud di Lubnan.[40]

Syria juga merupakan sebuah negara yang sangat strategik kedudukannya. Ia dipayungi oleh Iran, kuasa besar di Rantau Timur Tengah. Memiliki Syria bererti berjaya memiliki akses laluan minyak untuk dibekalkan

ke pasaran Eropah dari Rantau Timur Tengah.[41] Syria sebelum ini telah menolak untuk mengadakan kerjasama laluan paip bagi penghantaran minyak ke pasaran Eropah bersama Qatar. Sekiranya kerjasama dengan Qatar berjaya dilaksanakan sebelum ini, laluan paip minyak berkenaan akan melalui Qatar –Saudi – Syria – Turkey – dan menembusi pasaran Eropah. Walau bagaimanapun kegagalan rundingan Iran – Qatar ini memanfaatkan Iran. Pada tahun 2012, satu perjanjian bersama Syria telah diadakan di Damsyik yang bersetuju agar laluan paip minyak berkenaan melalui Iran – Syria – Iraq – Turkey – dan terus memasuki pasaran Eropah.[42] Bagi Commins, kesukaran kerjasama antara kedua negara ini selain dari pengukuran hubungan baik antara Syria-Iran berbanding Saudi, juga disebabkan dari tindakan Saudi yang mempraktikkan fahaman Sunni (sesetengah sarjana menyebut sebagai Wahabi) serta menolak fahaman Syiah yang didakwa bertentangan dari ajaran Islam yang sebenarnya.[43] Perselisihan antara Saudi dan Iran ini akhirnya mewujudkan blok-blok yang berbeza di Rantau Timur Tengah. Dalam hal ini, negara Arab di Rantau Timur Tengah seolah-olah perlu memilih sama ada perlu memihak kepada Iran atau Saudi, sama ada kepada Iran yang berfahaman Syiah atau Saudi yang berpegang dengan fahaman Sunni. Perkara ini akhirnya memberi kesan terhadap kestabilan rantau berkenaan. Pemihakan ini akhirnya membawa rantau tersebut pada satu senario lain, iaitu senario ‘Perang Dingin’ era baru antara negara-negara di rantau tersebut.

## ‘Perang Dingin’ di Rantau Timur Tengah

Hubungan diplomatik antara Saudi-Iran telah terlerai pada Januari 2017 apabila rakyat Iran menyerang kedutaan Saudi di Tehran sebagai respon terhadap keputusan Riyadh menjatuhkan hukuman mati terhadap ulama Syiah di Saudi iaitu Sheikh Nimr al Nimr pada Januari 2017 yang didakwa atas tuduhan menyeru masyarakat Saudi agar menentang kerajaan Monarki Saudi.[44] Keputusan Saudi ini mendapat tentangan masyarakat Syiah di seluruh dunia. Kesan dari keputusan ini, kedua-dua negara yang sememangnya sentiasa tegang kembali bergolak dan membawa kepada episod-episod lain seperti perselisihan dalam isu Yaman dan Lubnan.[45] Ini ditambah lagi dengan keputusan Perdana Menteri Lubnan, Saad al-Hariri meletakkan jawatannya sebagai perdana menteri dan keputusan berkenaan dibuat ketika beliau berada di Riyadh di mana Iran dikaitkan atas keputusannya. Hariri mendakwa Iran adalah punca kenapa beliau meletakkan jawatan kerana bimbang akan ugutan Hezbollah.[46] Ekoran dari peletakan jawatan Hariri, beberapa jam berikutnya, kerajaan Saudi telah memintas satu peluru berpandu yang didakwa dilancarkan dari Yaman iaitu sebuah kawasan berlakunya penentangan tentera Saudi ke atas pemberontak Syiah.[47]

Tindakan ini telah menyebabkan Putera Mahkota Saudi iaitu Putera Muhammad Bin Salman mendakwa Iran perlu dikenakan tindakan ketenteraan yang tegas. Semua dakwaan ini dinafikan oleh Tehran dan Presiden Hassan

Rouhani memberi amaran keras bahawa rakyat Iran akan menentang sepenuhnya sekiranya penentangan ini berlaku.[48] Situasi ini seolah-olah telah memunculkan 'Perang Dingin' di Timur Tengah.[49] Perang Dingin adalah satu konsep yang menggambarkan suasana ketegangan hubungan antara AS dengan Kesatuan Soviet pada sekitar tahun 1947-1991. Walaupun tiada sebarang tindakan secara tradisional diambil oleh kedua-dua negara, namun AS dan Kesatuan Soviet bertindak menghadapi situasi berkenaan secara dingin dan menggunakan negara proksi mereka untuk menghalang kemaraan mana-mana negara. Sebagai contoh negara yang menjadi proksi AS dalam Perang Dingin adalah negara seperti United Kingdom, Itali dan Turki. Manakala bagi proksi Kesatuan Soviet pula adalah Jerman Timur, Poland dan Romania.[50]

Persamaan suasana 'Perang Dingin' ini dapat dirasai di Timur Tengah pada hari ini dan ia diburukkan lagi melalui campur tangan kedua-dua negara berkenaan dalam konflik Syria, Iraq dan Yaman. Keputusan Saudi, Mesir, Emiriah Arab Bersatu dan Bahrain memulau dan memutuskan hubungan diplomatik dengan Qatar pada Jun 2017 di buat atas dakwaan Qatar menyokong aktiviti kumpulan pengganas dan mempunyai hubungan rapat dengan Iran memburukkan lagi hubungan sesama negara kesatuan Arab.[51] Walau bagaimanapun, tuduhan ini telah dinafikan sekeras-kerasnya oleh Doha.[52] Selain itu, antara faktor yang turut menyumbang kepada ketegangan hubungan Saudi-Iran adalah seperti, peralihan kuasa kepimpinan (politik dalaman) Saudi dari Raja Salman Abd Aziz kepada putera mahkotanya iaitu Putera Muhammad bin Salman yang lebih bersikap agresif terhadap Iran. Manakala faktor global adalah berpunca dari pelantikan Donald Trump sebagai Presiden AS yang ke-45, yang dilihat lebih memihak kepada Saudi berbanding Iran yang dilabelkan sebagai negara 'berbahaya' kepada negara-negara serantau di Timur Tengah. Iran didakwa mempunyai senjata balistik dan misil yang mampu mengancam jirannya dan lebih-lebih lagi sekutu kuat AS iaitu Israel.[53] Suasana ketegangan di Timur Tengah semakin buruk dengan tindakan Saudi dan Iran yang masing-masing membina hegemoni melalui kekuatan ketenteraan di Rantau Timur Tengah.[54]

## Perlumbaan senjata dan kekuatan ketenteraan Saudi dan Iran

Kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh Saudi dan Iran di Timur Tengah adalah hampir setara. Dalam susunan kedudukan kekuatan ketenteraan dunia, Saudi berada di kedudukan 21 negara dunia manakala Iran berada di kedudukan 24 dari 133 keseluruhan negara dunia.[55] Dari segi indeks kuasa iaitu penilaian berasaskan kepada pemilikan teknologi terkini, kekuatan persenjataan Iran dinilai berada pada kedudukan keempat di Timur Tengah selepas Turki, Mesir dan Israel. Manakala Saudi pula berada di kedudukan kelima dari keseluruhan 15 negara di Timur Tengah. Dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh *worldatlas.com* berkaitan dengan negara-negara pengimport

senjata terbesar di dunia, Saudi berada pada kedudukan kedua selepas India dan China berada di kedudukan ketiga.[56]

Pada tahun 2014, Rantau Timur Tengah menjadi medan konflik terbesar di dunia yang melibatkan beberapa peperangan sivil seperti konflik di Syria, Iraq dan Yaman. Perkara ini mendorong Saudi untuk memperkasakan ketenteraan dalam membekalkan negara dengan peralatan moden dan berteknologi tinggi. Pemerkasaan kekuatan ini turut disabitkan dengan usaha Saudi untuk menjadi kuasa hegemoni di rantau berkenaan di samping siap siaga dalam mengimbangi kekuatan Iran. Selain itu, kelengkapan persenjataan ini juga sebagai satu persediaan dalam usaha Saudi yang dilihat cuba mencampuri konflik di negara-negara jirannya termasuklah di Yaman. Pada tahun 2015, Saudi telah membelanjakan hampir 9.8 billion untuk mengimport senjata dari negara pembekal seperti dari AS, Britain dan Perancis.[57] *Global Fire Power* turut mengeluarkan data bagi tahun 2017 berkaitan jumlah perbelanjaan pertahanan Saudi yang berada di kedudukan ketiga dengan perbelanjaan sebanyak USD 56,725,000.000 berbanding Iran hanya USD 6,300,000,000. Ini bermakna, Saudi membelanjakan lebih 88.8% perbelanjaan untuk pembelian pertahanan berbanding Iran. Berikut disenaraikan beberapa indikator kekuatan pertahanan dan ketenteraan yang dimiliki oleh Arab Saudi dan Iran sehingga 2017:

**Jadual 1: Perbandingan Kekuatan Ketenteraan Saudi - Iran tahun 2017**

| Kelengkapan | Saudi | Iran |
|---|---|---|
| Kedudukan Kuasa Ketenteraan | Kedudukan 24 / 133 negara | Kedudukan 21/ 133 negara |
| Kerahan Tenaga Manusia Yang Sedia Ada | 15,3000,000 | 47,000,000 |
| Bajet Perbelanjaan Pertahanan | USD 56,725,000,000 | USD 6,300,000,000 |

Sumber : *Global Fire Power*, 2017.[58]

Jadual 1 di atas, menunjukkan perbelanjaan pertahanan Iran hanya 11.1% dari keseluruhan jumlah yang dibelanjakan oleh Saudi dalam perbelanjaan pertahanan, namun Iran masih menduduki tempat pertama kedudukan kuasa ketenteraan keseluruhan menurut Indeks yang dikeluarkan oleh *Global Fire Power* bagi tahun 2017. Indeks ini dinilai dari tingkatan teknologi serta kelengkapan ketenteraan yang dimiliki oleh kedua-dua negara. Berikut dipaparkan kekuatan kedua-dua negara berasaskan kelengkapan ketenteraan yang dimiliki seperti Jadual 2:

**Jadual 2: Jadual Perbandingan Kekuatan Persenjataan dan Jentera Ketenteraan Arab Saudi – Iran tahun 2017**

| Kelengkapan | Arab Saudi | Iran |
|---|---|---|
| *Jet Pejuang Fighters / Interceptors* | 177 | 137 |
| *Attack Aircraft* | 245 | 137 |
| *Transports* | 221 | 203 |
| *Helicopters* | 227 | 126 |
| *Attack Helicopters* | 21 | 12 |
| *Tank Strength* | 1,142 | 1,616 |
| *Armored Fighting Vehicles* | 5,472 | 1,315 |
| *Self-Propelled Artillery* | 524 | 320 |
| *Towed Artillery* | 432 | 2,078 |

Sumber : *Global Fire Power*, 2017.[59]

**Graf 1: Jadual Perbandingan Kekuatan Persenjataan dan Jentera Ketenteraan Arab Saudi – Iran tahun 2017**




Sumber: *Global Fire Power*, 2017.[60]

Jadual 2 dan Graf 1 di atas memaparkan mengenai perbandingan kekuatan ketenteraan yang dimiliki oleh Saudi dan Iran. Bahkan sekiranya diperhatikan, Jadual 2 dan Graf 1 di atas turut boleh dianalisis dari pendekatan realis ketika menjelaskan mengenai teori neorealisme atau realisme struktur. Setiap negara adalah pencari kuasa terutama dalam meneruskan kelangsungan hidup dalam sistem antarabangsa yang anarki, yang tiada sebuah kuasa lebih besar dari negara.[61] Status kuasa besar berdasarkan teori neorealisme adalah bersangkut paut dengan negara yang mengekalkan dua elemen iaitu kuasa ketenteraan dan juga ekonomi. Negara-negara bukan sahaja berikhtiar untuk mengekalkan kekuatan ketenteraan bila mempunyai kuasa ekonomi bagi tujuan dalaman namun ia juga sebagai satu proses untuk mengimbangi negara lain terutama dalam rantau yang sama. Ini menjelaskan tindakan Saudi dan Iran yang saling

berlumba melengkapkan persenjataan negara sebagai sebahagian dari proses mengimbangi kuasa antara satu sama lain. Kekuatan negara juga bergantung pada kuasa material yang dimiliki iaitu merujuk kepada kekuatan ketenteraan. Namun perbelanjaan ketenteraan ini bukanlah satu yang murah. Dalam hal ini, kedua-dua negara mempunyai kelebihan yang tersendiri apabila kedudukan geografi negara memiliki kelebihan tersendiri iaitu sumber minyak dan gas asli yang terbesar di Timur Tengah.

Sehingga 2017, produksi pengeluaran minyak mentah per barrel bagi Saudi adalah 269,000,000,000 manakala bagi Iran adalah 157,800,000,000.[62] Justeru, kedua-dua negara ini boleh dikatakan memanfaatkan sumber alam yang ada dalam negara masing-masing untuk membina sebuah negara yang stabil dari segi kuasa ekonomi dan ketenteraan.[63] Perlumbaan senjata ini menyebabkan Rantau Timur Tengah berada dalam keadaan yang tegang dengan setiap negara terutama Saudi dan Iran saling membina kekuatan melalui perlumbaan senjata. Sekiranya tiada penglibatan negara Islam atau kuasa besar seperti Turki untuk meredakan ketegangan ini berkemungkinan akan membawa Timur Tengah ke kancah yang lebih buruk. Ia boleh memburukkan lagi konflik Sunni-Syiah yang kini berada pada satu tahap yang agak membimbangkan.

## Konflik Sunni-Syiah di Rantau Timur Tengah

Sesetengah sarjana seperti Mansoureh menjelaskan, konflik di Timur Tengah lebih bersifat pencarian kuasa berbanding konflik Sunni-Syiah.[64] Namun berbeza bagi Terrill iaitu seorang sarjana dan pakar dalam keselamatan Timur Tengah, beliau berpandangan bahawa, konflik di Timur Tengah juga disebabkan oleh pertembungan antara Saudi dan Iran yang mana kedua-dua mengisytiharkan merekalah pengamal tradisi Islam yang sebenarnya.[65] Walau apa jua pandangan, kedua faktor ini iaitu pencarian kuasa dan konflik Sunni-Syiah, sememangnya menjadi salah satu dari perpecahan umat Islam pada hari ini. Kronologinya, konflik antara fahaman Sunni-Syiah ini dikatakan bermula selepas kewafatan baginda Rasulullah S.A.W. Perselisihan yang pada mulanya hanya berkisarkan kepada persoalan kepimpinan kita menjadi satu asbab kepada perkelahian Umat Islam di dunia. Bahkan pada hari ini, isu ini menjadi lebih kompleks apabila ia melibatkan negara.

Beberapa penganalisis Timur Tengah seperti Sorli, Gleditsch & Strand dan Hashemi & Postel turut mempunyai pandangan yang sama di mana konflik Sunni-Syiah boleh dikatakan sebagai antara faktor pergeseran terhadap kedua negara ini iaitu Saudi dan Iran.[66] Kedua negara ini saling mempamerkan kekuatan untuk menunjukkan bahawa merekalah yang mampu memimpin dunia Islam termasuklah menerajui konflik-konflik dalaman negara di rantau berkenaan seperti yang berlaku di Iraq, Syria dan Yaman.

Bagi negara Arab, pasca Revolusi Iran memberi signal kepada mereka bahawa fahaman Syiah perlu dikekang untuk memastikan 'ideologi'

yang disebarkan oleh Khomeini tidak mempengaruhi minoriti masyarakat Syiah dalam negara mereka. Selepas kepulangan Khomeini dari buangan dan kejayaan beliau menjatuhkan rejim Shah Iran di Iran, Khomeini telah membangunkan pendekatan disebut sebagai *wilayat al-faqih* iaitu kekuasan mutlak berada di bawah seliaan ahli agama. Beliau berhujah bahawa sebelum ketibaan Imam Mahdi, pemerintahan negara perlu ditadbir oleh ulama atau ahli agamawan (*high ranking cleric*) dan dalam masa yang sama, Khomeini langsung tidak menyembunyikan hasratnya untuk mengeksport semangat revolusi Iran ke luar Iran.[67]

Perkara ini menggusarkan dunia Arab dari dua aspek. Pertama, kebanyakan dunia Arab adalah ditadbir oleh kumpulan monarki. Ini termasuklah di Saudi, Bahrain, Jordan dan Kuwait. Bahkan dalam keadaan tersebut, Saddam Hussein yang dianggap sebagai diktator dalam dunia Islam, pada era tersebut, telah mengambil peluang menyerang Iran pada tahun 1980 dalam Perang Iran-Iraq. Walaupun Saddam terkenal sebagai seorang diktator, zalim dan autoritarian, dunia Arab dan negara-negara Teluk tetap menyokong tindakan Iraq dalam peperangan yang berlangsung selama lapan tahun (1980-1988). Kedua, kebanyakan negara di Timur Tengah mempunyai masyarakat Syiah. Jadual 3 di bawah menunjukkan anggaran taburan masyarakat Syiah di Rantau Timur Tengah:

**Jadual 3: Anggaran Penduduk Berfahaman Syiah dan Sunni di Timur Tengah**

| Negara | Kedudukan Negara Berdasarkan Anggaran | Anggaran Populasi Muslim | Anggaran Penduduk Syiah | *Anggaran Peratusan Syiah | *Anggaran Peratusan Sunni |
|---|---|---|---|---|---|
| **Iran** | **1** | **75,819,000** | **73,500,000** | **94-95%** | **5-10%** |
| Iraq | 4 | 32,450,000 | 24,500,000 | 65-70% | 35-40% |
| Turki | 5 | 74,860,000 | 19,750,000 | 20-30% | 80-85% |
| Yaman | 6 | 25,407,381 | 11,500,000 | 35-40% | 60-65% |
| **Arab Saudi** | **10** | **26,493,000** | **4,760,000** | **15-20%** | **85-90%** |
| Syria | 12 | 21,900,000 | 4,100,000 | 15-20% | 70-74% |
| Mesir | 15 | 80,024,000 | 2,200,000 | 2-3% | 90-98% |
| Lubnan | 17 | 3,542,000 | 1,850,000 | 25-27% | 25-27% |
| Kuwait | 23 | 2,836,000 | 1,160,000 | 35-40% | 70-76.7% |
| Bahrain | 25 | 1,234,571 | 750,000 | 60-65% | 35-40% |
| Libya | 32 | 7,325,000 | 500,000 | 4-5% | 96.6% |
| Oman | 37 | 2,647,000 | 400,000 | 8-10% | 85-90% |
| Qatar | 44 | 1,268,000 | 250,000 | 5-10% | 55-67% |

Sumber: *Pew Research Center.com*, 2015., *Islamic Web*,2013., *CIA Worldfact*, 2017.[68]

Jadual 3 di atas menunjukkan, hampir kesemua negara di Rantau Timur Tengah mempunyai populasi masyarakat Syiah. Sama ada mereka menjadi

majoriti dalam negara ataupun minoriti. Berdasarkan dari kedudukan negara di atas, Iran, Iraq, dan Bahrain menduduki negara paling ramai majoriti Syiah di Timur Tengah. Sama ada ia populasi majoriti atau minoriti dalam negara berkenaan, soal keselamatan tidak bergantung pada angka. Desakan yang berterusan ke atas kumpulan minoriti juga sebenarnya mampu mewujudkan fenomena yang disebut sebagai "*the concept of stress*" atau mewujudkan tekanan ke atas kumpulan minoriti akibat dari keperluan asas yang tidak dipenuhi seperti kebebasan bersuara dan kebebasan keselamatan sehingga kelompok ini akan menterjemahkan protes di luar demokrasi.[69] Kegagalan mengawal konflik antara Sunni-Syiah ini dikhuatiri boleh mengundang ketidakstabilan dalam negara. Contohnya di Saudi, peristiwa pemberontakan masyarakat Syiah di Qatif selain dari penaklukan Juhayman al-Otaibi ke atas Masjidil Haram di Mekah pada tahun 1979 masih dibincangkan sehingga hari ini. Peristiwa berkenaan berlaku hanya sejurus selepas kemenangan Khomeini menggulingkan Shah Iran dalam Revolusi Iran. Manakala peristiwa penaklukan Juhayman al-Otaibi bersama ratusan pengikutnya ke atas Masjidil Haram di Mekah, walaupun ia tidak ada bersangkutan dengan fahaman Syiah dan hanya disabitkan kekecewaan terhadap fahaman Wahabi, namun ia adalah satu tanda bahawa tindakan yang berlaku di Iran cuba dimanipulasikan dalam negara-negara Arab lain.[70]

Kebanyakan perang sivil yang berlaku di negara Arab pada hari ini juga mempunyai perkaitan dengan fahaman Sunni-Syiah.[71] Walaupun ia bukan perdebatan utama (kebanyakan sarjana seperti Amin Saikal dan Terrill mengulas dari konteks hegemoni, namun perdebatan mengenai pergeseran fahaman Sunni-Syiah masih menjadi latar belakang dalam konflik yang berlaku di Timur Tengah.[72] Contohnya seperti di Yaman, Bahrain, Syria dan Lubnan, semuanya merupakan peperangan yang bertabirkan kepada kelompok Sunni menentang Syiah atau kelompok Syiah menentang Sunni. Pasca Revolusi Iran menyaksikan negara-negara Timur Tengah terus bergelumang dengan konflik melibatkan perang sivil dalaman negara. Tiga puluh lapan tahun memperlihatkan konflik melibatkan Sunni-Syiah semakin bertambah. Walaupun konflik Sunni-Syiah sudah pun wujud sebelum Revolusi Iran, namun pasca revolusi memperlihatkan isu ini semakin dijadikan alasan antara negara-negara di Timur Tengah terutama Saudi dan Iran terus memenangi perlumbaan senjata dan menjadi kuasa hegemoni di rantau tersebut.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979, menjelaskan kepada kita bahawa, perubahan dalaman sesebuah negara bukan hanya memberi kesan kepada politik domestik, malahan ia berkemampuan untuk merubah landskap sesebuah rantau. Dalam peristiwa ini, Revolusi Iran pada tahun 1979 yang berlaku di negara Parsi tersebut bukan sahaja menjatuhkan

Dinasti Pahlavi dari kerajaan Monarki, malahan turut merubah cara dan bagaimana negara-negara di Timur Tengah berinteraksi di antara satu sama lain khususnya antara Saudi dan Iran. Hubungan Saudi dan Iran sebelum berlakunya Revolusi berkenaan boleh dianggap sebagai satu contoh keakraban antara sebuah negara Arab iaitu Saudi dan negara bukan Arab iaitu Iran (Parsi). Ini diterjemahkan melalui penjelasan di atas khususnya semasa era Raja Faisal, Raja Arab Saudi dan Shah Reza Pahlavi dari Iran. Namun pasca Revolusi Iran ini memperlihatkan berlakunya keretakan dalam sisi hubungan Saudi - Iran, syak wasangka yang berpanjangan antara fahaman Sunni-Syiah serta kerenggangan kedua-dua negara ini yang akhirnya memunculkan blok-blok negara Pro Saudi dan Pro Iran.

Perbincangan dalam kajian ini juga mendapati bahawa konflik-konflik di Timur Tengah semakin bercambah era pasca Revolusi Iran 1979. Selain dari analisis para sarjana, laporan media massa turut memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat mengenai konflik di Timur Tengah khususnya antara Saudi-Iran boleh dikatakan setiap hari. Walaupun hampir kesemua sarjana menjelaskan persengketaan antara Saudi dan Iran ini adalah berlatar belakangkan hasrat kedua-dua negara berkenaan menjadi kuasa hegemoni di rantau tersebut, namun pergeseran fahaman Syiah dan Sunni juga dilihat turut berperanan dalam ketegangan konflik di Rantau Timur Tengah. Bermula dari Revolusi Iran 1979, serangan Saddam Hussein ke atas Iran pada 1980-1988, konflik Syria, konflik Yaman, pemulauan Qatar oleh negara-negara Timur Tengah dan sehinggalah kepada pelancaran misil oleh Syiah Houthi ke Riyadh, semuanya menjurus kepada alasan konflik Sunni-Syiah.

Kajian turut mendapati, pasca 38 tahun berlalu, Revolusi Iran (1979-2017) mungkin berjaya membebaskan masyarakat Iran dari kezaliman rejim Pahlavi, malangnya geopolitik Timur Tengah terus bergolak dan tidak stabil. Ia dapat diikuti sebagaimana analisis para akademik, ahli politik mahupun sebagaimana yang dilaporkan oleh media massa dan media sosial, tempatan mahupun antarabangsa.

## Nota Akhir

1. Perbincangan mengenai Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 masih lagi dibincangkan di kalangan sarjana. Perbincangan ini meliputi pelbagai aspek dan bidang. Antara topik perbincangan ialah seperti hak-hak asasi manusia dan kebudayaan peninggalan Parsi oleh Abrahamian (2010), perkembangan hubungan luar Iran dengan negara-negara Arab pasca Revolusi oleh Amin Saikal (2016) dan Keynoush (2016) dan lain-lain. Artikel ini hanya akan membincangkan mengenai hubungan Iran dan Arab Saudi pasca Revolusi Iran tahun 1979.
2. Skocpol, T. Rentier Sate and Shi`a Islam in the Iranian Revolution

*Theory and Society*, Vol. 11, No. 3 (May, 1982) 1982, hlm. 265.
3. Zahedi, Dariush, *The Iranian Revolution Then and Now*, Oxford, Westview Press, 2001, hlm 60.
4. Antara sarjana yang dimaksudkan adalah seperti Maloney, Suzanne (2015) dalam *Iran Political Economy since the Revolution*, dan Skocpol, T. (1982) dalam *Rentier Sate and Shi`a Islam in the Iranian Revolution* membincangkan mengenai kejayaan Revolusi Iran meruntuhkan Monarki Pahlavi dan pertembungan antara fahaman Sunni dan Syiah yang semakin sukar didamaikan.
5. January, Brendan, *The Iranian Revolution*. Minneapolis, Twenty-First Century Books, 2008, hlm 4.
6. O'Kane, Rosemary H.T, *Revolution Critical Concepts in Political Science*, New York, Taylor & Francis Group, 2000.
7. M.Riza Sihbudi, *Dinamika Revolusi Iran: Dari Jatuhnya Shah hingga Wafat Ayatollah Khomeini*, Jakarta, Pustaka Hidayah, 1989.
8. Abrahamian, Ervand, *A History of Modern Iran*. New York. Cambridge University Press, 2008.
9. Perbualan personal bersama Hamid Jabari pemandu teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Imam Khomeini pada 23 Ogos 2017 dan perbualan personal bersama Ramdani Reza pemandu teksi Qum pada 24 Ogos 2017.
10. Abdul Halim Daud, Zarina Othman & Nor Azizan Idris, *Syiah dan Keselamatan Negara: Satu Tinjauan Awal*. Kertas prosiding ini telah dibentangkan dalam Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan pada Mei 2016 di Tanjong Malim, Perak, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015, hlm 504.
11. Amin Saikal (ed.) *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*, New York, Palgrave, 2016.
12. Singh, K.R. *Iran Quest for Security*, New Delhi, Vikas Publishing House Pvt Ltd, 1980.
13. Fahaman Wahabi adalah disandarkan kepada Muhammad b. Abd al-Wahab (1703-1792). Dilahirkan di Uyaynah, Semenanjung Arab (kini dikenali sebagai Arab Saudi). Beliau adalah pengasas fahaman Wahabi yang mempromosikan agar Umat Islam kembali mengamalkan 'prinsip-prinsip' asal dalam pengajian Islam. Sebarang penambahan dalam amalan Islam akan dilabelkan sebagai bidaah (penambahan). Menurut Algar (2002), terdapat sesetengah dari pengkaji mengkategorikan fahaman Wahabi ini sebagai fahaman konservatif atau lebih ekstrem berbanding dari pengamalan fahaman Sunni yang asal (Algar 2002: hlm 3-4).
14. Waltz, Kenneth. *Theory of International Politics*, Massachusetts, Addison-Wesley Kerlinger.
15. CNN Library 2017, 21 Oktober, 1979.

16. Axworthy, Michael. *Revolutionary Iran: A History of the Islamic Republic*, London, Allen Lane, 2008.
17. Perbualan personal bersama Milad, (24 tahun), di mana beliau menjelaskan dirinya adalah seorang tentera tetapi bertugas di Universiti Tehran. Temu bual pada 26 Ogos 2017 bertempat di Bangunan Pentadbiran Universiti Tehran, Iran.
18. Perbualan Personal bersama Ali Ramdani (50 tahun) dan Musa Ali (51 tahun) bertempat di Aras Ground Floor Grand Bazaar Tehran pada 26 Ogos 2017.
19. Skocpol, T. *Rentier Sate and Shi`a Islam in the Iranian Revolution, Theory and Society*, Vol. 11, No. 3 (May, 1982), 1982, hlm. 283.
20. Musa al-Musawi, *Dedah Fahaman Syiah*, Kuala Lumpur, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998, hlm 3.
21. Masih Muhajeri, *Dimensi Revolusi Islam*, Kuala Lumpur, Islamic Media & Communications, 1984, hlm 33.
22. Temu bersama YBhg. Datuk Rustam bin Yahaya, Duta Besar Malaysia ke Iran di Tehran pada 23 Ogos 2017 bertempat di Aras 3, Pejabat Kedutaan Malaysia di Tehran, Wisma Putra, Iran.
23. Masih Muhajeri, *Dimensi Revolusi Islam*, Kuala Lumpur, Islamic Media & Communications, 1984, hlm 30.
24. Perbualan personal bersama Hamid Jabari (51 tahun) di Tehran pada 23 Ogos 2017). Seorang peniaga di Grand Bazaar, Tehran berkongsi hal yang sama, iaitu faktor ekonomi adalah antara faktor yang menyebabkan rakyat bangkit menentang pentadbiran Kerajaan Shah. Walau Shah membuat pelbagai perubahan, namun rakyat tetap memberontak - Temu bual bersama Ali Ramdani di Tehran pada 26 Ogos 2017.
25. M.Riza Sihbudi, *Dinamika Revolusi Iran: Dari Jatuhnya Shah hingga Wafat Ayatollah Khomeini*, Jakarta, Pustaka Hidayah, 1989.
26. Singh, K.R., *Iran Quest for Security*. New Delhi, Vikas Publishing House Pvt Ltd, 1980.
27. Saeed, M. Badeeb (1993) *Saudi – Iranian Relations*. London: Centre for Arab and Iranian.
28. Mokhtari, Fariborz (Spring 2005), No One Will Scratch My Back: Iranian Security Perceptions in Historical Context, *Middle East Journal*, 2005, hlm 59(2).
29. Ramli Dollah dan Eko Prayitno Joko, Dasar 'Memakmurkan Jiran" dan Penglibatan Malaysia Dalam Proses Keamanan di Selatan Filipina, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 42 (1) (July), 2015, hlm 78.
30. Riki Rahman, Zarina Othman, Kamaruzaman Yusoff & Ruhanas Harun, Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepemimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Terhadap Hegemoni Amerika

Syarikat di Rantau Asia Barat, *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 5, No. 2. 2013, hlm. 29.

31. Amin Saikal (ed.) *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*, New York: Palgrave, 2016, hlm. 176.

32. Walaupun perkahwinan politik merapatkan hubungan diplomatik kedua negara tersebut namun Bahrain juga turut menghadapi pergeseran politik dalaman antara kumpulan Sunni dan Syiah. Ini kerana pemerintahan Bahrain adalah dari kalangan minoriti, iaitu Sunni. Pergolakan di antara kumpulan Sunni dan Syiah di Bahrain ini bukan sahaja melibatkan rakyat dalaman, namun turut didakwa mendapat campur tangan Iran yang dikatakan menyokong tindakan pendemonstrasi Syiah menentang kerajaan Al-Khalifa yang berfahaman Sunni. Dalam hal ini, Iran disebut telah menuntut dan mendakwa bahawa Bahrain adalah sebahagian dari wilayah Iran pada abad ke-14 lalu. Untuk makluman lanjut sila rujuk Wehrey, Karasik, Nader, Ghez, Hansell & Guffey 2009. Tuntutan Iran ke atas Bahrain sudah bermula seawal 1950-an lagi dengan dakwaan bahawa Bahrain pernah berada di bawah jajahan Parsi lebih daripada tiga kurun yang lalu (Iran Chamber Society, 2017). Dalam hal ini Bahrain menolak sekeras-kerasnya bahawa negara tersebut merupakan sebahagian dari wilayah Iran (Al Arabiya News, 2017, 12 Julai). Tuntutan Iran ini menyemarakkan lagi "anti-Iran" di Bahrain dan pada masa yang sama pergeseran antara masyarakat Syiah dan Sunni semakin parah atas alasan kegagalan kerajaan menyediakan hak kesamarataan antara kedua kumpulan ini.

33. *BBC News*, Gulf states send forces to Bahrain following protests. 14 Mac 2011. Retrieved from http://www.bbc.com/news/world-middle-east-12729786, 2011.

34. Saudi sendiri mempunyai masyarakat minoriti dari fahaman Syiah sekitar 15-20% (Ciafact/Arab Saudi 2017). Saudi pernah berhadapan dengan krisis penentangan dari masyarakat Syiah yang kebanyakan berada di Qatif yang terletak di kawasan Timur negara berkenaan yang terkenal dengan perusahaan minyak mentah. Semasa berlakunya Revolusi Iran 1979, masyarakat Syiah di Saudi bangkit menyuarakan hak kesamarataan dari sudut ekonomi serta menyuarakan perasaan di tindas oleh kerajaan. Keadaan ini berakhir dengan kemusnahan besar-besaran bandar Qatif sehingga memaksa kerajaan Saudi menghantar pasukan tentera untuk mengawal situasi tersebut. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Jones 2006, hlm 124.

35. AlMosawa, Shuaib & Barnard, Anne. 2017, November 4, Saudi Intercept Missile Fired from That Came Closed to Riyadh. *The New York Times*. Retrieved from https://www.nytimes.com/2017/11/04/world/middleeast/missile-saudi-arabia-riyadh.html.

36. *Middle East Eyes*. 2017. Why Saudi Arabia Cannot Go to War with Iran. 16 Disember 2017. Retrieved from http://www.middleeasteye.net/columns/why-saudi-arabia-cannot-go-war-iran-9549775.
37. *Utusan Malaysia*, 27 November 2017.
38. Menurut Spencer, Richard (2016), Alawiyyah adalah salah satu dari cabang fahaman Syiah yang turut mempercayai bahawa hanya Sayidina Ali yang layak menggantikan Rasulullah S.A.W. dalam urusan kepimpinan Umat Islam selepas kewafatan Baginda Rasulullah. Alawiyyah turut dikenali sebagai Nausuriah atau Nusayris sempena dengan nama pengasasnya iaitu Ibnu Nusayr. Fahaman ini lebih liberal dalam pendekatan pengamalannya seperti wanita tidak perlu menutup rambut sebagai sebahagian dari aurat dan penggunaan arak (alkohol)adalah dibenarkan. Kumpulan Alawiyyah ini hampir kebanyakan boleh ditemui di Syria, Turki dan Lubnan. Keluarga Bashar al-Assad juga adalah berasal dari keturunan Alawiyyah.
39. Ospina, Mariano V. & Gray, David H., Syria, Iran and Hizballah: A Strategic Alliance. *Global Security*, Winter, Volume 5, Issue 1, 2014, hlm 32.
40. *International Relation.org*. 2016, Hezbollah in Lebanon. 16 Oktober 2016. Retrieved from http://internationalrelations.org/hezbollah-in-lebanon/.
41. Temu bual bersama Prof. Dr. Kamaruzaman Yusoff, Ketua Penyelidik, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia di Kuala Lumpur, pada 2 Ogos 2017.
42. Ahmed. 2013. The Guardian. Syria intervention fueled by oil interest not chemical weapon concern. 30 Ogos 2013. Retrieved from https://www.theguardian.com/environment/earth-insight/2013/aug/30/syria-chemical-attack-war-intervention-oil-gas-energy-pipelines.
43. Commins, David (2004), *The Wahhabi Mission and Saudi Arabia*. New York, I.B. Tauris, hlm 131.
44. Mamadkul, Jirajol, Saudi Arabia – Iran's Foreign Policy Crisis: A Case Study of Execution of Saudi Shia Cleric Shaikh Nimr al-Nimr. *Rangsit Journal of Social Science and Humanities (RJSH)*. Vol. 4, No. 1, January – June 2017, hlm. 75-82.
45. *Independent 5* Januari 2016. Nimr Baqir al Nimr: Saudi Arabian Shia cleric who denounced the kingdom's rulers and called for religious freedom. 5 Januari 2016. Retrieved from http://www.independent.co.uk/news/obituaries/nimr-baqir-al-nimr-saudi-arabian-shia-cleric-who-denounced-the-kingdoms-rulers-and-called-for-a6798061.html.
46. *Al-Jazeera.com*. 2017. How will Hariri's resignation affect Lebanon? 5 November 2017. Retrieved from http://www.aljazeera.com/news/2017/11/hariri-resignation-affect-lebanon-171105105105853.html.

47. *International Crisis Group*. A Houthi Missile, a Saudi Purge and a Lebanese Resignation Shake the Middle East. 10 November 2017. Retrieved from https://www.crisisgroup.org/middle-east-north-africa/huthi-missile-saudi-purge-and-lebanese-resignation-shake-middle-east.
48. *The New York Times*. 2017. Iran's President Defends Yamani Rebel Attack on Saudi Capital. 8 November 2017. Retrieved from https://www.nytimes.com/2017/11/08/world/middleeast/iran-saudi-arabia-hassan-rouhani.html
49. *News.com.au*. 2017. As "Cold War" Heats Up, Here's What You Should Know. 13 November 2017. Retrieved from http://www.news.com.au/finance/work/leaders/iran-vs-saudi-arabia-as-cold-war-heats-up-heres-what-you-should-know/news-story/ca2ebcc993a5bfd40622b96 b904b90f4.
50. Lightbody B. Cold War, London, Routledge, 1999, hlm 21.
51. Qiblawi, Tamara, Tawfeeq, Mohammed, Roberts, Elizabeth & Alkhashali, Hamdi (2017). Qatar rift: Saudi, UAE, Bahrain, Egypt cut diplomatic ties. *CNN News*. 27 Julai. Retrieved from https://edition.cnn.com/2017/06/05/middleeast/saudi-bahrain-egypt-uae-qatar-terror/index.html
52. *BBC News*. Qatar Crisis: What you need to know 19 Julai 2017, Retrieved from http://www.bbc.com/news/world-middle-east-40173757.
53. Bildt, Carl, 2017, How Donald Trump is making things worse, *The Washington Post*, 15 November 2017, Retrieved from https://www.washingtonpost.com/news/global-opinions/wp/2017/11/15/how-donald-trump-is-making-things-worse-in-the-middle-east/?noredirect=on&utm_term=.ffabea5 d881cworse in the Middle East.
54. Riki Rahman, Zarina Othman, Kamaruzaman Yusoff & Ruhanas Harun, Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepemimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Terhadap Hegemoni Amerika Syarikat di Rantau Asia Barat, *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 5, No. 2. 2013.
55. *Global Fire Power*, 2017, 20 November. Military Strength Ranking. Retrieved from https://www.globalfirepower.com/countries-listing.asp.
56. https://www.worldatlas.com/articles/world-s-largest-importers-of-military-arms.html retrieved at 20 December 2017.
57. *Worldatlas.com*, 2017, 25 November.
58. Military Rank Ranking, 3 Januari 2017, https://www.globalfirepower.com/countries-listing.asp, 2017.
59. Comparison between Saudi Arabia and Iran. 20 Nov 2017.

https://www.globalfirepower.com/countries-comparison-detail.asp?form=form&country1=saudi-arabia&country2=iran&Submit=COMPARE

60. Ibid.
61. Mearsheimer, John J. *Why Leaders Lie. The Truth about Lying in International Politics*, New York, Oxford University Press. 2011.
62. *Global Fire Power*, 2017, 20 November, Military Strength Ranking. Retrieved from https://www.globalfirepower.com/countries-listing.asp.
63. Riki Rahman, Zarina Othman, Kamaruzaman Yusoff & Ruhanas Harun, Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepemimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Terhadap Hegemoni Amerika Syarikat di Rantau Asia Barat, *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 5, No. 2. 2013.
64. Temu bual bersama Dr. Mansoureh Ebrahimi, Pensyarah di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia bertempat di Kuala Lumpur, pada 2 Ogos 2017.
65. Terrill, W. Andrew, The Saudi – Iranian Rivalry and the Future of Middle East Security dalam Mackenzie Tyler & Anthony M. Boone (Eds.) *Rivalry in the Middle East Saudi Arabia and Iran*. New York, Nova Publisher, 2012, hlm 1-52.
66. Sorli, Gleditsch & Strand (2005) menjelaskan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan Rantau Timur Tengah sering kali terjebak dalam kancah politik dalaman dan serantau sehingga menyebabkan konflik. Antara faktor yang diulas oleh Sorli, Gleditsch & Strand (2005) adalah disebabkan oleh faktor institusi politik, pembangunan ekonomi, dan pertembungan antara sesama masyarakat Islam iaitu antara fahaman Sunni dan Syiah Sorli (Gleditsch & Strand 2005:146-148) Manakala kajian oleh Hashemi dan Postel (2017) pula menyatakan pertembungan fahaman antara Sunni dan Syiah ini seolah-olah tiada penghujungnya walaupun ia pada asalnya hanyalah satu perselisihan mengenai pengganti dalam urusan kepimpinan (Hashemi & Postel 2017:34).
67. Soage, Ana Belen. What is really behind the Saudi-Iranian cold war. Opinion Document. *Institute Espanol de Estudios Estrategicos (IEEE)*. Retrieved from http://www.ieee.es/en/Galerias/fichero/docs_opinion/2017/DIEEEO71-2017_Guerra_Fria_ArabiaSaudi-Iran_AnaBelenSoage_ENGLISH.pdf. 2017, hlm. 4
68. Memandangkan tiada badan khas yang membanci ketepatan jumlah penganut Sunni dan Syiah, justeru, jumlah ini di kira secara anggaran dari tiga data iaitu Pew Research Center (2015), Islamic Web (2013) dan CIA Worldfact (2017).
69. Penjelasan ini diambil dari Che Mohd Azizi (2013) yang menjelaskan

dari Gurr (1971) melalui artikelnya bertajuk 'Aggressive Conflict in Southern Thailand, Roots of Hostility and Aggression'. Jebat, Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol 4, (2), (Disember 2013), hlm. 29.

70. Wynbrandt, James, *A Brief History of Saudi Arabia*. New York, MP Hermitage, 2004, hlm. 241.

71. Council on Foreign Relations. The Sunni-Shia Divide. February 2016. Retrieved from https://www.cfr.org/interactives/sunni-shia-divide#!/sunni-shia-divide

72. Amin Saikal (ed.) *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*, New York, Palgrave, 2016, hlm 165 dan Terrill, W. Andrew. 2012, The Saudi – Iranian Rivalry and the Future of Middle East Security dalam Mackenzie Tyler & Anthony M. Boone (Eds.) Rivalry in the Middle East Saudi Arabia and Iran. New York, Nova Publisher, hlm 1-52.

## Rujukan


Abrahamian, Ervand. 2008. *A History of Modern Iran.* New York: Cambridge University Press.

Abdul Halim Daud, Zarina Othman & Nor Azizan Idris. 2015. Syiah dan Keselamatan Negara: Satu Tinjauan Awal. *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan (COSNA 4)*. ISBN 978-967-2084-17-4. Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

AlMosawa, Shuaib & Barnard, Anne. 2017. November 4. Saudi Intercept Missile Fired from That Came Closed to Riyadh. *The New York Times.* Retrieved from https://www.nytimes.com/2017/11/04/world/middleeast/missile-saudi-arabia-riyadh.html.

Amin Saikal (ed.) 2016. *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*. New York: Palgrave.

Akbarzadekh, Shahram. 2016. Iran's Syrian Foreign Policy Objectives. Dlm. Amin Saikal (ed.) 2016, *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*. hlm. 127-144. New York: Palgrave.

Ahmed. 2013. The Guardian. Syria intervention fueled by oil interest not chemical weapon concern. 30 Ogos 2013. Retrieved from https://www.theguardian.com/environment/earth-insight/2013/aug/30/syria-chemical-attack-war-intervention-oil-gas-energy-pipelines.

*Al-Jazeera.com.* 2017. How will Hariri's resignation affect Lebanon? 5 November 2017. Retrieved from http://www.aljazeera.com/news/2017/11/hariri-resignation-affect-lebanon-171105105105853.html. [ 5 November 2017.

*Al-Jazeera.com.* 2017. Saudi Arabia and Iran in war of words. 8 November 2017. Retreived from http://www.aljazeera.com/news/2017/11/saudi-

arabia-iran-war-words-171107183525935.html.

Axworthy, Michael. 2008. *Revolutionary Iran: A History of the Islamic Republic*. London: Allen Lane.

*BBC News*. Qatar Crisis: What you need to know. 19 Julai 2017. Retrieved from http://www.bbc.com/news/world-middle-east-40173757.

*BBC News*. 2011. Gulf states send forces to Bahrain following protests. 14 Mac 2011. Retrieved from http://www.bbc.com/news/world-middle-east-12729786.

Bildt, Carl (2017). How Donald Trump is making things https://www.washingtonpost.com/news/global-opinions/wp/2017/11/15/how-donald-trump-is-making-things-worse-in-the-middle-east/?noredirect=on&utm_term=. ffabea5 d881cworse in the Middle East. *The Washington Post.* 15 November 2017. Retrieved from

Bowker, Robert. 2016. The Post-uprising Arab World and the West: Mythology and Cultural Challenges. Dlm. Amin Saikal (ed.) 2016, *The Arab World and Iran a Turbulent Region in Transition*. hlm. 29-44. New York: Palgrave.

*CIA fact/Arab Saudi*. 2017. Saudi Arabia. 12 Disember 2017. Retrieved from https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/sa.html

*CIA World Fact*. 2015. Retrieved from http://cia.gov/library/publications/the-world-factbook/fields/2122.html.

Che Mohd Azizi Yaacob. 2013. Aggressive Conflict in Southern Thailand: Roots of Hostility and Aggression. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 4, (2), (Disember 2013), hlm. 24-43.

Creswell, J. W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches (2nd ed.).* Thousand Oaks, California: Sage Publications.

*CNN Library*. 2017, 21 Oktober. Iran Hostage Crisis Fast Facts Diakses 28 November 2017. http://edition.cnn.com/2013/09/15/world/meast/iran-hostage-crisis-fast-facts/index.html

Commins, David (2004), *The Wahhabi Mission and Saudi Arabia.* New York: I.B. Tauris.

Council on Foreign Relations. The Sunni-Shia Divide. February 2016. Retrieved from https://www.cfr.org/interactives/sunni-shia-divide#!/sunni-shia-divide

*Gulfnews.com*. 2011. Bahrain King's son to wed Saudi king's daughter. 16 Jun 2011. Retrieved from http://gulfnews.com/news/gulf/bahrain/bahrain-king-s-son-to-wed-saudi-king-s-daughter-1.822612

*Global Fire Power*. 2017. 20 November. Military Strength Ranking. Retrieved from https://www.globalfirepower.com/countries-listing.asp.

*Haaretz.com. 2017.* Saudi Arabia Cuts Diplomatic Relations With Iran.

3 January 2017. Retrieved from https://www.haaretz.com/1.695260.

Hashemi, Nader & Postel, Danny (2017) Introduction The Sectarianization Thesis Dalam Nader Hashemi & Danny Postel (Eds.) *Sectarianization Mapping nthe New Politics of the Middle East*. New York: Oxford University Press.

*International Crisis Group.* A Houthi Missile, a Saudi Purge and a Lebanese Resignation Shake the Middle East. 10 November 2017. Retrieved from https://www.crisisgroup.org/middle-east-north-africa/huthi-missile-saudi-purge-and-lebanese-resignation-shake-middle-east.

*Iran Chamber Society.* 2017. Geography of Iran. Mishmahig Islands (Bahrain), "How was separated from Iran?". 20 December 2017. Retrieved from http://www.iranchamber.com/geography/articles/mishmahig_islands_bahrain.php

*Independent* 5 Januari 2016. Nimr Baqir al Nimr: Saudi Arabian Shia cleric who denounced the kingdom's rulers and called for religious freedom. 5 Januari 2016. Retrieved from http://www.independent.co.uk/news/obituaries/nimr-baqir-al-nimr-saudi-arabian-shia-cleric-who-denounced-the-kingdoms-rulers-and-called-for-a6798061.html.

*International Relation.org.* 2016. Hezbollah in Lebanon. 16 Oktober 2016. Retrieved from http://internationalrelations.org/hezbollah-in-lebanon/.

*Islamic Web.* 2013. How Many Shia Are There in The World? Retrieved from http://www.islamicweb.com/beliefs/cults/shia_population.html.

January, Brendan. 2008. *The Iranian Revolution.* Minneapolis: Twenty-First Century Books.

Jones, Toby Craig. 2006. Rebellion on the Saudi Periphery: Modernity, Marginalization, and the Shia Uprising of 1979. *International Journal of Middle East Studies.* Vol. 38, No. 2 (May, 2006) hlm. 213-233.

Keynoush, Banafsheh 2016. *Saudi Arabia and Iran. Friend or Foes*? London: Palgrave Macmillan.

Lafraie, Najibullah. 2009. *Revolutionary Ideology and Islamic Militancy the Iranian Revolution and Interpretation of the Quran.* New York: L.B. Tauris & Co. Ltd.

Lightbody B. 1999. *Cold War*. London: Routledge.

M.Riza Sihbudi. 1989. *Dinamika Revolusi Iran: Dari Jatuhnya Shah hingga Wafat Ayatollah Khomeini,* Jakarta: Pustaka Hidayah.

Masih Muhajeri. 1984 *Dimensi Revolusi Islam.* Kuala Lumpur: Islamic Media & Communications.

Mamadkul, Jirajol. 2017. Saudi Arabia – Iran's Foreign Policy Crisis: A Case Study of Execution of Saudi Shia Cleric Shaikh Nimr al-Nimr. *Rangsit Journal of Social Science and Humanities (RJSH)*. Vol. 4, No. 1, January – June 2017. hlm. 75-82.

Mauch, J.E. & Birch, J.W. 1983. *Guide to the Successful Thesis and*

*Dissertation*. New York: Marcel Dekker.

Maloney, Suzanne. 2015. *Iran Political Economy since the Revolution.* New York: Cambridge University Press.

Mearsheimer, John J. 2011. *Why Leaders Lie. The Truth about Lying in International Politics*. New York: Oxford University Press.

Maziar Behrooz. 2001. Tudeh Factionalism and the 1953 Coup in Iran. *International Journal of Middle East Studies,* Vol. 33 (Aug) hlm. 363-382.

*Middle East Eye*. 2017. Heads, Saudi loses. Tails, Iran wins. 12 September 2017. Retrieve from http://www.middleeasteye.net/columns/heads-saudi-loses-tails-iran-wins-1978663633.

*Middle East Eyes*. 2017. Why Saudi Arabia Cannot Go to War with Iran. 16 Disember 2017. Retrieved from http://www.middleeasteye.net/columns/why-saudi-arabia-cannot-go-war-iran-9549775.

Mokhtari, Fariborz (Spring 2005), No One Will Scratch My Back: Uranian Security Perceptions in Historical Context. *Middle East Journal*. 59(2)

Musa al-Musawi. 1998. *Dedah Fahaman Syiah.* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Nasir Tamara. 1980. *Revolusi Iran.* Jakarta: Sinar Agape Press.

Nasr, Vali. 2006. *The Shia Revival How Conflicts within Islam Will Shape the Future.* New York: W.W. Norton & Company Inc.

*News.com.au.* 2017. As "Cold War" Heats Up, Here's What You Should Know. 13 November 2017. Retrieved from http://www.news.com.au/finance/work/leaders/iran-vs-saudi-arabia-as-cold-war-heats-up-heres-what-you-should-know/news-story/ca2ebcc993a5bfd40622b96 b904b90f4.

O'Kane, Rosemary H. T. 2000. *Revolution Critical Concepts in Political Science.* New York: Taylor & Francis Group.

Ospina, Mariano V. & Gray, David H. (2014), Syria, Iran and Hizballah: A Strategic Alliance. *Global Security,* Winter, Volume 5, Issue 1. hlm 32.

*Pew Research Center.* 2015. Muslim-Population-Sunni-And-Shia. Retrieved from http://www.pewforum.org/2011/01/27/future-of-the-global-/.html.

Perbualan personal bersama Ali Ramdani. Peniaga di Grand Bazaar Tehran. 50 tahun, di Tehran. Iran pada 26 Ogos 2017.

Perbualan personal bersama Musa Ali. 51 tahun, di Tehran. Peniaga di Grand Bazaar Tehran. Iran pada 26 Ogos 2017.

Perbualan personal bersama Hamid Jabari. Pemandu Teksi Lapangan Terbang Antarabangsa Imam Khomeini. 51 tahun di Tehran. Iran pada 23 Ogos 2017.

Perbualan personal bersama Mohamad Ramdani Reza. Pemandu Teksi Bandar

Qum. 50 tahun di Qum. Iran pada 24 Ogos 2017.

Qiblawi, Tamara, Tawfeeq, Mohammed, Roberts, Elizabeth & Alkhshali, Hamdi (2017). Qatar rift: Saudi, UAE, Bahrain, Egypt cut diplomatic ties. *CNN News*. 27 Julai. Retrieved from https://edition.cnn.com/2017/06/05/middleeast/saudi-bahrain-egypt-uae-qatar-terror/index.html

Ramli Dollah dan Eko Prayitno Joko. 2015. Dasar "Memakmurkan Jiran" dan Penglibatan Malaysia Dalam Proses Keamanan di Selatan Filipina. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies.* Vol. 42 (1) (July 2015): hlm. 77-112.

Riki Rahman, Zarina Othman, Kamaruzaman Yusoff & Ruhanas Harun. 2013. Pendekatan Kaunter-Hegemoni Iran di Bawah Kepemimpinan Mahmoud Ahmadinejad (2005-2009) Terhadap Hegemoni Amerika Syarikat di Rantau Asia Barat. *International Journal of West Asian Studies.* Vol. 5, No. 2. hlm. 17-34.

Saeed, M. Badeeb (1993) *Saudi – Iranian Relations*. London: Centre for Arab and Iranian.

Schectman J. 2009. Iran's Twitter revolution? Maybe not yet. *Bloomberg Businessweek*, 19 June. Retrieved from http://www.businessweek.com.

Singh, K.R. 1980. *Iran Quest for Security*. New Delhi: Vikas Publishing House Pvt Ltd.

Skocpol, T. 1982. Rentier Sate and Shi`a Islam in the Iranian Revolution. *Theory ad Society.* Vol. 11, No. 3 (may, 1982) hlm. 265-283.

Soage, Ana Belen. 2017. What is really behind the Saudi-Iranian cold war. Opinion Document. *Institute Espanol de Estudios Estrategicos (IEEE).* h.4. Retrieved from http://www.ieee.es/en/Galerias/fichero/docs_opinion/2017/DIEEEO71-2017_Guerra_Fria_ArabiaSaudi-Iran_AnaBelenSoage_ENGLISH.pdf.

Sorlis, Mirjam. E, Gleditsch, Nils Petter, Strand, Harvard. 2005. Why There So Much Conflict in the Middle East? *The Journal of Conflict Resolution.* Vol.49, hlm. 141-165.

Spencer, Richard (2016). Who are the Alawites? 3 April 2016. Retrieved from https://www.telegraph.co.uk/news/2016/04/02/who-are-the-alawites/

*The New York Times*. 2017. Iran's President Defends Yamani Rebel Attack on Saudi Capital. 8 November 2017. Retrieved from https://www.nytimes.com/2017/11/08/world/middleeast/iran-saudi-arabia-hassan-rouhani.html

Terrill, W. Andrew. 2012. The Saudi – Iranian Rivalry and the Future of Middle East Security dalam Mackenzie Tyler & Anthony M. Boone (Eds.) *Rivalry in the Middle East Saudi Arabia and Iran.* New York: Nova Publisher. hlm 1-52.

Temu bual bersama Datuk Rustam bin Yahya, Duta Besar Malaysia ke Iran

di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Tehran pada 23 dan 27 Ogos 2017.

Temu bual bersama Prof. Dr. Kamaruzaman Yusoff Ketua Penyelidikan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia di Kuala Lumpur pada 2 Ogos 2017.

Temu bual bersama Dr. Mansoureh Ebrahim, Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia di Kuala Lumpur pada 2 Ogos 2017.

*Utusan Malaysia*, 27 November 2017

Wehrey, Frederic, Karasik, Theodore W., Nader, Alireza, Ghez, Jeremy, Hansell, Lydia & Guffey, Robert A. 2009. Saudi – Iranian Relations Since the Fall of Saddam Rivalry, Cooperation and Implications for U.S. Policy. *National Security Research Division.* California: RAND Corporation. Retrieved from https://www.rand.org/content/dam/rand/pubs/monographs/2009/RAND_MG840.sum.pdf

*Worldatlas.com.* 2017. Economics. World's Largest Importers of Military Arms. 25 November 2017. Retrieved from http://www.worldatlas.com/articles/world-s-largest-importers-of-military-arms.html.

Waltz, Kenneth. 1979. *Theory of International Politics*. Massachusetts: Addison-Wesley Kerlinger.

Wynbrandt, James. 2004. *A Brief History of Saudi Arabia.* New York: MP Hermitage.

Zahedi, Dariush. 2001. *The Iranian Revolution Then and Now.* Oxford: Westview Press.

## Nota Biografi

Abdul Halim Bin Daud (h4lim2014@gmail.com) merupakan calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zarina Binti Othman (zaiothman02@gmail.com) merupakan Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkepakaran dalam bidang keselamatan insan, keselamatan negara, dan isu-isu keselamatan bukan tradisional.

Nor Azizan Bin Idris (nai@ukm.edu.my) merupakan Profesor Madya di Pusat Penyelidikan Sejarah, Politik dan Keselamatan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkepakaran dalam bidang organisasi antarabangsa, keselamatan dan polisi luar negara, dan politik pembangunan.